

KAJIAN SAKA DARI PERSPEKTIF SAINS BERDASARKAN WARNA AURA

(A Study of Saka from the Scientific Perspective Using Aura Colours)

Yohan Kurniawan
yohan@umk.edu.my

Alexander Stark
alexander@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah,
Universiti Malaysia Kelantan.

Abstrak

Saka merupakan suatu fenomena yang telah lama wujud dalam kalangan masyarakat di Asia Tenggara dan sering dikaitkan dengan budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Saka merujuk hubungan antara manusia dengan jin atau makhluk halus untuk tujuan tertentu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti kewujudan saka dari perspektif sains. Kajian yang dijalankan merupakan kajian rintis yang menggunakan kaedah eksperimental dan kajian kes. Kajian ini melibatkan dua orang responden yang memiliki saka dan seorang responden yang tidak memiliki saka untuk tujuan perbandingan. Data kajian diperolehi daripada alat tindak balas badan, iaitu biomaklum balas (*biofeedback*) yang menggunakan program warna aura badan (WinAura). Hasil kajian mendapati bahawa individu yang memiliki saka menunjukkan warna khas (merah) pada bahagian tertentu badan. Kajian ini telah berjaya menghubungkan antara fenomena aura yang bewarna merah dengan kewujudan jin di dalam diri responden, tetapi masih belum dapat membuktikan kewujudan jin, iaitu “jenis jin” saka secara saintifik.

Kata kunci: saka, alat biomaklum balas, program warna aura badan, kajian saintifik, kaedah eksperimental

Abstract

Saka is a phenomenon that has long existed in the community of Southeast Asia and is often associated with the culture of the Malay community in Malaysia. The concept of saka associated with the relationship between humans and spirits or ghosts for a particular purpose. The objective of this study is to identify the existence of saka by utilizing scientific approach. This study is a pilot study which has utilized experimental methods and case study. Only one respondent participated in this study with the main features of possessing saka. Data is derived from the body's response equipment (biofeedback) and aura body colour machine. The study has found that individual who has saka shows special colour (red) on certain parts of their body. However, this study has not yet managed to establish a link between certain phenomena of aura colour with perennial existence scientifically.

Keywords: saka, scientific research, experiment method, case study, biofeedback, aura colour

PENDAHULUAN

Kepercayaan kepada bomoh telah wujud lebih daripada 2000 tahun lalu, bahkan sebelum kedatangan agama Hindu dan Buddha ke Alam Melayu (Mohd. Taib, 1989). Meskipun Islam datang dan berkembang luas di Alam Melayu, kepercayaan masyarakat Melayu terhadap hal yang berkaitan dengan makhluk halus masih kekal dan tidak berubah. Menurut Gustav Mensching (Mohd. Taib, 1989), konsep agama dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kepercayaan yang bersifat universal (*universal religion*) dan kepercayaan yang wujud dalam kalangan masyarakat (*folk religion*) (Mohd. Taib, 1989). Kepercayaan yang bersifat universal menggambarkan sejenis agama yang cenderung untuk merebak dari tempat asalnya kerana ajarannya seperti agama Islam, Kristian, Judis, Hindu atau Buddha. Keadaan ini menunjukkan bahawa agama digunakan untuk menyampaikan pesanan tentang kebenaran dan keselamatan kepada manusia (Mohd. Taib, 1989). Kepercayaan yang wujud dalam kalangan masyarakat merupakan suatu tipologi yang berbeza daripada agama dan terhad kepada satu kumpulan dan tidak mempengaruhi kumpulan lain. Keadaan ini berlaku bagi memenuhi keperluan beragama dalam kalangan masyarakat tertentu (Mohd. Taib, 1989).

Menurut Gustav Mensching (Mohd. Taib, 1989), kepercayaan sesuatu kaum merupakan suatu fenomena agama yang dipegang oleh sesuatu masyarakat. Kepercayaan ini juga merujuk kewujudan sesuatu kekuatan selain manusia seperti makhluk halus atau roh. Menurut McHugh, roh halus yang ditakuti dalam kalangan

masyarakat Melayu ialah roh yang mempunyai sifat jahat dan merupakan cerminan sifat buruk dan ganas daripada manusia (Mohd. Taib, 1989). Terdapat beberapa makhluk halus yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu seperti bajang, polong dan pelesit (Mohd. Taib, 1989). Kepercayaan terhadap kewujudan makhluk halus atau makhluk ghaib ini jika disalahgunakan boleh membina hubungan antara manusia dengan makhluk tersebut, antaranya termasuklah jin jenis saka.

Saka telah lama wujud di Asia Tenggara, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Kehadiran saka menunjukkan wujudnya hubungan yang rapat antara manusia dengan makhluk halus yang dikenali sebagai jin. Hubungan antara manusia dengan jin tidak terlepas daripada sejarah kehidupan masyarakat Melayu, yang bermula akibat perpindahan dan penerokaan tanah oleh manusia di Tanah Melayu. Menurut Haron dan Mokhtar (2015), selain perpindahan dan penerokaan tanah, antara sebab lain termasuklah melarikan diri daripada peperangan di tempat asal; mencari tempat baharu kerana tempat asal musnah akibat peperangan; melarikan diri kerana keselamatan terancam di tempat asal; mencari sumber air bersih dan makanan yang baharu kerana sumber makanan dan air yang terhad di tempat asal; serta adat masyarakat seperti orang Minang dan orang Bugis yang suka merantau untuk mencari rezeki.

Pembukaan sesebuah kawasan baharu untuk tujuan petempatan bukanlah suatu tugas yang mudah, ditambah pula dengan pengetahuan dan teknologi yang terhad pada masa itu. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu amat memerlukan bantuan tenaga daripada makhluk halus (jin) bagi memudahkan urusan (Haron dan Mokhtar, 2015). Hubungan tersebut terjalin apabila jin dijadikan sebagai khadam untuk melakukan kerja berat yang tidak dapat dilakukan dengan kekuatan manusia biasa seperti menebang pokok balak untuk membuka kawasan baharu, serta menjaga harta, tanah, binatang ternakan dan keluarga daripada ancaman pencuri, perogol, dan sebagainya (Haron dan Mokhtar, 2015)

Perubahan zaman dan kemajuan teknologi pada masa ini menyebabkan khadam, iaitu makhluk halus yang pernah dijadikan sahabat diabaikan, bahkan dilupakan oleh jurai keturunan manusia yang pernah membelanya. Keadaan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan makhluk halus sehingga menyebabkan wujudnya pelbagai gangguan (Haron dan Mokhtar, 2015).

DEFINISI DAN JENIS SAKA

Menurut Haron dan Mokhtar (2015), saka ditafsirkan sebagai pusaka, iaitu segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang sudah meninggal dunia untuk diwarisi oleh ahli keluarganya. Pusaka juga tidak terhad kepada harta sahaja, tetapi

meliputi segala sesuatu yang diwarisi turun-temurun seperti adat istiadat dan barangan kuno seperti keris, pedang, cincin, dan sebagainya. Saka juga bermaksud leluhur (nenek moyang) daripada sebelah emak ataupun baka leluhur daripada kedua-dua belah pihak (ibu dan bapa). Menurut ahli perubatan Islam pula, saka merujuk jin yang diwarisi daripada keturunan terdahulu seperti ayah, datuk, nenek ataupun moyang kepada keturunannya yang di bawah seperti anak, cucu dan cicit (Haron dan Mokhtar, 2015; Sharhan, 2015a; Ansaruddin, 2014).

Istilah “membela saka” merujuk seseorang yang menjadikan makhluk halus sebagai belaan. Makhluk halus tersebut akan diberi makan pada masa tertentu dan sebagai balasannya makhluk tersebut akan sentiasa berdampingan dengannya. Istilah berkawan ataupun bersahabat merujuk perbuatan seseorang yang akan memanggil makhluk halus yang menjadi sahabatnya ketika diperlukan dengan kaedah tertentu. Kebiasaannya, makhluk halus tersebut juga perlu mematuhi beberapa peraturan seperti tidak boleh berada di dalam rumah sekiranya tidak dipanggil (Haron dan Mokhtar, 2015), dan boleh menyerupai haiwan, manusia dan bentuk tertentu.

Saka terjadi apabila seseorang membuat perjanjian dengan makhluk halus untuk mendapatkan khidmat ataupun kelebihan daripadanya. Sebagai balasannya, seseorang perlu menjaga dan membela makhluk halus tersebut secara turun-temurun. Selain itu, antara tujuan lain memelihara saka, termasuklah menjaga harta seseorang seperti rumah, tanah ataupun kebun; menjaga diri dan keluarga daripada dianiaya oleh orang lain; menjalankan kerja seharian seperti bertani, memburu binatang dan menangkap ikan; menjalankan kerja berat seperti mengangkat batu besar, menebang, mengangkut pokok balak; dan lain-lain; melawan musuh; sebagai ilmu pengisian diri atau ilmu kebatinan; untuk tujuan perubatan seperti menjadi bomoh, bidan ataupun tukang urut, serta untuk tujuan pengangkutan.

Terdapat pelbagai jenis saka yang dibela oleh masyarakat Melayu di Malaysia yang mempunyai fungsi tertentu, antaranya termasuklah:

1. Saka Hantu Raya

Merujuk makhluk halus yang dibela untuk mendapatkan kekuatan luar biasa. Orang yang membela hantu raya mampu melakukan kerja yang tidak dapat dilakukan oleh orang biasa tanpa bantuan peralatan berat.

2. Saka Hantu

Pelesit digunakan untuk menjaga tuannya, dan boleh diarahkan untuk mengganggu sesiapa sahaja. Pelesit sering kali mengganggu kaum wanita yang sedang mengandung ataupun dalam tempoh berpantang, serta kanak-kanak dan orang yang lemah semangatnya.

3. Saka Harimau
Merujuk makhluk halus yang dibela dan menyerupai harimau. Saka harimau ditugaskan menjaga kawasan rumah, kebun atau kampung. Saka harimau juga digunakan untuk menjaga diri dan keturunan pemiliknya daripada gangguan orang yang berniat jahat. Pada zaman dahulu, saka harimau juga digunakan sebagai pengangkutan kerana pada masa itu tiada sistem pengangkutan yang sistematik.
4. Saka Buaya
Merujuk makhluk halus yang menyerupai seekor buaya. Individu yang didampingi oleh makhluk halus ini mempunyai kelebihan untuk menjinakkan dan mengawal buaya. Saka buaya juga digunakan untuk mencari mayat orang yang lemas di dalam sungai ataupun mayat manusia yang diserang oleh buaya. Saka buaya juga digunakan sebagai pengangkutan untuk menyeberangi sungai atau tasik.
5. Saka Bomoh atau Saka Pawang atau Saka Urut
Merujuk makhluk halus yang diwarisi secara turun-temurun untuk membantu tuannya merawat pesakit, yang menghidap penyakit fizikal mahupun mental. Individu yang membela saka jenis ini perlu menyeru jin, dan jin tersebut akan meresapi tubuh waris sehingga berubah perwatakannya.
6. Saka Bidan
Makhluk halus yang dibela untuk membantu proses melahirkan bayi.
7. Saka Hantu Laut
Makhluk halus yang dibela, serta tinggal di kawasan laut dan persisiran pantai. Saka ini dibela untuk menjaga keselamatan semasa di laut, memberitahu tuannya lokasi yang mempunyai banyak ikan dan menghalau ikan supaya masuk ke dalam pukot.
8. Saka Pendekar
Makhluk halus yang diambil dan dibela bagi membolehkan seseorang menjadi handal bersilat atau berlawan. Individu yang memiliki saka pendekar akan menjadi handal berlawan meskipun tidak pernah mempelajari sebarang ilmu seni mempertahankan diri. Saka ini dibela untuk menjadikan seseorang itu disegani dan dihormati oleh kawan mahupun lawan.
9. Saka Penjaga Keturunan
Jin yang berfungsi untuk menjaga keturunan pemiliknya daripada diganggu, dianiaya atau dikhianati oleh musuh sama ada dalam kalangan manusia mahupun jin. Saka ini boleh menjelma sebagai lelaki atau dalam bentuk yang menggerunkan. Penjelmaan tersebut menyebabkan orang atau makhluk ghaib lain yang ingin berbuat jahat dan khianat menjadi takut dan menjauhkan diri daripada individu yang dijaganya.

Saka boleh diwarisi dengan pelbagai cara antaranya termasuklah:

1. Secara Sedar

Saka yang diwarisi dalam keadaan sedar akan diterima oleh warisnya dengan kerelaan hati dan diterangkan kegunaan ilmu, pantang larang dan cara memberi makan kepada saka belaan.

2. Tidak sedar

Kadangkala saka diwarisi secara tidak sedar apabila seseorang itu menyerahkan sesuatu simbolik kepada warisnya. Antara barang yang diserahkan secara simbolik termasuklah senjata lama seperti keris, pedang dan parang; barang perhiasan seperti cincin; dan peralatan perubatan tradisional seperti bekas kemenyan dan tangkal atau azimat.

3. Melalui Mimpi

Saka boleh diwarisi melalui mimpi. Contohnya, seseorang itu menerima sesuatu benda atau diajar membaca mantra tertentu dalam mimpinya. Ciri orang yang mempunyai saka juga boleh dikenal pasti. Antaranya termasuklah susah tidur malam, sering terjaga pada waktu malam dalam keadaan cemas dan takut; mengalami mimpi buruk dan melihat sesuatu yang cuba mengancam nyawa; bermimpi perkara yang menakutkan dan menyeramkan; bermimpi melihat binatang seperti kucing, anjing, ular, serigala, dan sebagainya; bunyi gigi berlaga ketika tidur; ketawa, menangis, dan menjerit-jerit ketika sedang tidur; berdiri dan berjalan ketika tidur; mimpi jatuh dari tempat tinggi; mimpi berada di kawasan kotor atau perkuburan; bermimpi berada di tempat sunyi; bermimpi melihat makhluk aneh; bermimpi melihat budak kecil (bayi) dan menyusukannya; merintih dan menangis ketika tidur; dan bermimpi terserempak dengan makhluk yang menakutkan.

Saka yang dibela biasanya memberikan kesan kepada pemiliknya, antaranya termasuklah merosakkan akidah, meruntuhkan institusi kekeluargaan, mengganggu emosi, mengubah sikap, merosakkan zuriat dan menghadapi penyakit yang tidak sembuh. Saka juga menyebabkan gangguan kepada pemilik mahupun ahli keluarganya. Antara punca gangguan saka termasuklah waris terlupa memenuhi janji yang telah dipersetujui oleh nenek moyang seperti memberi makan atau menjalankan ritual tertentu bagi memuja makhluk tersebut; waris menentang kehendak saka seperti tidak memberikan kerjasama sehingga menyebabkan saka tersebut menjadi marah, serta beramal dengan amalan yang soleh sehingga menyebabkan saka berasa “panas” dan “tercedera”.

Selain dikaitkan dengan jin, istilah saka juga difahami sebagai sindrom batasan budaya (*culture-bound syndromes*), iaitu perkaitan antara faktor biologi-budaya, psikologi dan psikopatologi dalam budaya dan masyarakat tertentu (Wan Aminah dan Wan Faizah, 2012). Konsep sindrom batasan budaya ini membantu menjelaskan fenomena dan kepercayaan terhadap saka yang hanya wujud dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Salah satu cara untuk menghalau atau memutuskan hubungan antara seseorang dengan saka yang mengikutinya adalah dengan bantuan bomoh (Razali, 2009). Berdasarkan kajian yang dijalankan di Malaysia, didapati rawatan menggunakan khidmat bomoh amat berkesan untuk merawat pesakit neurotik meskipun tidak digalakkan kerana bertentangan dengan ajaran Islam (Razali, 2009). Hasanah *et al.* (2010) juga mengkaji rawatan saka yang dilakukan oleh bomoh dengan menggunakan batang kayu. Didapati beberapa bomoh di Malaysia, khususnya bomoh rawatan tradisional melakukan rawatan dengan bantuan makhluk halus, antaranya menggunakan saka (Endicott, 1985).

KAEDAH WARNA AURA

Kajian ini menggunakan warna aura sebagai kaedah untuk mengesan kewujudan saka dalam kehidupan seseorang. Perkataan aura juga dikenali sebagai cakra (daripada bahasa Sanskrit yang bermakna roda tenaga). Ramai berpendapat bahawa aura ialah cahaya daripada badan manusia, tetapi pakar sains mempunyai pandangan yang berbeza. Mereka berpendapat bahawa aura ialah medan tenaga (elektromagnetik) yang mengelilingi makhluk hidup (*aura imaging*). Aura dibentuk oleh cahaya yang berwarna halus yang mengelilingi badan manusia, dan setiap warna yang dihasilkan mempunyai getaran dan makna tertentu. Warna aura yang dihasilkan memberikan maklumat tentang kualiti, keadaan emosi, pemikiran dan kekuatan tertentu yang dimiliki seseorang.

Sejarah tentang aura telah berkembang lama bermula dalam kalangan suku kaum orang asli dan kumpulan penganut agama Kristian yang percaya kepada hal yang bersifat mistik. Kepercayaan terhadap aura ini semakin popular pada zaman pertengahan, khususnya melalui hasil lukisan yang menunjukkan aura dalam bentuk cahaya yang bersinar di sekeliling manusia, haiwan atau pokok. Seiring dengan perkembangan zaman, para saintis moden mengukur aura berdasarkan medan elektromagnet di sekitar hidup makhluk. Kajian pertama foto aura dilakukan oleh Nicola Tesla pada tahun 1891. Nikola Tesla dianggap oleh banyak pihak sebagai orang yang mencemui penciptaan cahaya dan digelar sebagai bapa kuasa elektrik moden. Teknologi yang dihasilkan oleh Tesla menjadi asas kepada teknologi fotografi Kirlian. Tesla mengambil gambar aura yang pertama berupa gambar aura

di sekitar hujung jari dan keseluruhan badan dengan menggunakan peralatan yang dihubungkan dengan badan (Lindgren dan Jennifer, 1997).

Pada tahun 1869, Walter Kilner mula mengkaji “elektroterapi”. Kilner mendapati bahawa semakin lama seseorang melihat melalui kanta biru, matanya menjadi lebih terbiasa kepada cahaya ultraungu, dan panjang gelombang cahayanya lebih tinggi. Hasil ini dinyatakan sebagai bukti saintifik tentang kewujudan aura manusia.

Pengkaji lain, iaitu Oscar Bagnall mengatakan bahawa aura berasal daripada gelombang cahaya yang panjang, tetapi lebih pendek daripada panjang cahaya secara umumnya yang dikenali sebagai cahaya ultraungu. Selepas eksperimen yang dijalankan oleh Bagnall, suatu kaedah baharu untuk mengesan aura telah dicipta oleh saintis dari Soviet, iaitu Semyon Kirlian dan Valentina. Teknologi fotografi yang digunakan oleh Kirlian berjaya mewujudkan imej tenaga di sekeliling makhluk hidup dengan menggunakan arus elektrik untuk mendedahkan kewujudan bentuk tertentu yang dihantar ke plat fotografi. Eksperimen ini dilakukan dengan meletakkan hujung jari pada sebuah pad logam yang mengeluarkan aliran elektrik rendah dan dipindahkan dari plat ke hujung jari. Gambar aura yang dicetak menunjukkan pelbagai warna cahaya yang terang bermula dari hujung jari ke seluruh badan (Lindgren dan Jennifer, 1997).

Pada tahun 1980-an, seorang jurutera dan pencipta dari Amerika Syarikat, Guy Coggins (Lidgren, 2000) berjaya mencipta sebuah kamera yang boleh mengesan dan memaparkan gambar warna aura atau medan tenaga yang berada di sekitar manusia. Sistem pengimejan aura ini menggunakan teknik biomaklum balas (*biofeedback*) badan. Warna, bentuk dan saiz aura boleh menunjukkan emosi dan rohani seseorang. Warna aura bagi setiap manusia berbeza dan hadir dalam bentuk warna pelangi. Kajian mendapati bahawa aura manusia terdiri daripada tujuh peringkat (Lindgren dan Jennifer, 1997). Setiap warna mempunyai erti dan makna tersendiri seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1 Warna aura dan maknanya menurut Guy Coggins.

Warna Aura	Makna Warna Aura
Inframerah	Intensiti, emosi yang kuat, kepimpinan dan semangat.
Merah	Menerima cabaran, tindakan, kekuasaan dan bertindak pantas.
Merah jambu	Perasaan cinta, sayang, rindu dan kasih.
Merah muda (<i>pink</i>)	Kegembiraan, erotisme, seksualiti, idealisme dan kewanitaan.
Merah-oren	Ingin menjadi pusat perhatian, berkarisma dan memberikan kegembiraan.

sambungan **Jadual 1.**

Oren-merah	Kepercayaan diri, kreativiti dan keaslian.
Oren	Kreativiti, semangat, kegembiraan dan kebahagiaan.
Emas oren	Keseronokan, keyakinan diri, kerja keras dan bersemangat.
Emas	Mudah memaafkan, muhibah, kelimpahan, kemakmuran dan bercahaya.
Kuning	Kegembiraan, keseronokan, keterbukaan, suka bermain-main, perasaan ingin tahu dan kecerdasan.
Kuning-hijau	Belas kasihan, idealisme dan suka mengajar.
Hijau	Pertumbuhan, kerja keras, cita-cita, lemah lembut, kekuatan dan empati.
Firus	Kasih, peka, praktikal, menenangkan dan membimbing.
Akuamarin	Spiritual, kedamaian dan peka.
Biru muda	Perasaan tenang dan selamat, idealisme, rohani dan agama.
Biru	Komunikasi, gerak hati, rehat, sikap setia, bijak, taat dan berkhidmat untuk orang lain.
Ungu	Keimanan, meditasi, imaginasi dan kaitan dengan hal yang bersifat magis.
Biru-putih	Komunikasi bersifat rohani, berkaitan dengan hal magis dan membangkitkan semangat dalaman.

(Lindgren dan Jennifer, 1997)

Pada masa ini, pemahaman tentang konsep saka adalah berdasarkan pendekatan budaya masyarakat setempat. Saka dianggap sebagai masalah budaya yang dikenali sebagai sindrom batasan budaya. Pendekatan saintifik yang mengkaji kewujudan saka masih sangat kurang dilakukan di Malaysia. Pendekatan budaya yang digunakan pada masa ini tertumpu pada aspek kepercayaan atau keyakinan tentang saka yang wujud dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dahulu hingga kini.

Pendekatan saintifik dalam kajian ini berusaha memahami konsep dan kewujudan saka berdasarkan bukti ilmiah seperti tindak balas badan yang menghasilkan warna aura. Warna aura tersebut menunjukkan suatu keadaan di dalam diri seseorang seperti semangat, perasaan marah, bersemangat, tenang, bersifat spiritual, dan sebagainya. Kewujudan saka atau jin di dalam diri seseorang, biasanya dikaitkan dengan warna merah. Warna merah sering dikaitkan dengan sesuatu yang panas, membara, semangat dan berkait rapat dengan jin.

Masalah yang wujud dalam kajian ini ialah kemampuan pendekatan saintifik yang menggunakan biomaklum balas badan berupa warna aura untuk membuktikan kewujudan saka di dalam diri seseorang. Tujuan kajian dijalankan adalah untuk membuktikan kewujudan saka dalam kalangan masyarakat Melayu berdasarkan pendekatan saintifik dengan menggunakan pendekatan warna aura.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian rintis yang menggunakan kaedah kajian kes dan eksperimen dalam pengumpulan data. Reka bentuk eksperimen yang digunakan ialah reka bentuk kumpulan praujian–pascaujian (*the one group pretest-post test design*). Responden kajian yang memiliki saka perlu melalui dua jenis ujian, iaitu diperdengarkan muzik yang digemari oleh responden seperti muzik tradisional Melayu ulik mayang dan bacaan ayat al-Quran. Ujian yang diberikan kepada setiap responden bergantung pada jenis perlakuan yang boleh memberikan kesan kepada saka yang mengikutinya seperti perasaan tidak selesa, wujud halusinasi, berasa tertekan, memberikan dorongan yang kuat kepada responden untuk menari, dan sebagainya.

Kaedah temu bual juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang diri responden dan pengalamannya memiliki saka, dan kesannya kepada responden. Jumlah responden yang terlibat ialah dua orang yang memiliki saka sebagai kumpulan eksperimen dan seorang responden yang tidak memiliki saka sebagai kumpulan kawalan. Responden kumpulan kawalan diperlukan untuk membandingkan perbezaan warna aura antara responden yang memiliki saka dengan responden yang tidak memiliki saka. Responden kumpulan kawalan merupakan seorang lelaki, manakala responden kumpulan eksperimen terdiri daripada seorang wanita berumur 22 tahun yang memiliki saka harimau dan seorang lelaki yang berumur 30 tahun yang tidak diketahui secara pasti jenis sakanya. Kaedah pemilihan responden yang digunakan ialah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah ini memilih responden yang sesuai dengan ciri tertentu seperti yang dikehendaki dalam kajian, iaitu individu yang memiliki saka sama ada yang diwarisi mahupun yang diperoleh secara tidak sengaja.

Peralatan kajian yang digunakan untuk mengukur biomaklum balas badan dan warna aura ialah WinAura. Peralatan ini menggunakan sebuah kamera web (*webcam*) yang akan mengambil gambar responden dalam masa dua saat, dan selepas itu dalam masa enam hingga lapan saat, plat sensor peralatan WinAura akan mengukur dan merakamkan potensi elektrik pada telapak tangan responden.

Maklumat potensi elektrik tersebut akan diubah kepada frekuensi elektrik menggunakan sebuah perisian lunak dan dipaparkan sebagai warna dan corak yang mewakili aura responden. Responden akan diukur warna auranya sebelum dan selepas mendengar muzik atau bacaan ayat al-Quran. Tempoh masa pengambilan data warna sebelum mendengar muzik dan bacaan ayat al-Quran ialah lima minit, manakala selepas mendengar muzik dan bacaan al-Quran ialah lebih kurang 10 minit. Proses pengambilan data kajian adalah seperti yang berikut:

1. Pada awal kajian, maklumat diri responden yang berkaitan dengan kehidupan dan sejarah pemilikan saka diambil menerusi temu bual.
2. Pengkaji merakamkan warna aura responden tanpa sebarang gangguan bunyi.
3. Selepas itu, pengkaji akan memainkan muzik atau bacaan ayat al-Quran tanpa pengetahuan responden supaya tindak balas sebenar dapat dirakamkan daripada responden.
4. Pada masa yang sama, pengukuran warna aura juga dilakukan. Hal ini bertujuan mengetahui kesan ujian terhadap responden.

Analisis data kajian dilakukan terhadap frekuensi kewujudan warna merah pada bahagian tertentu badan secara konsisten. Perbandingan warna aura juga dilakukan sebelum dan selepas responden mendengar muzik dan bacaan ayat al-Quran. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan makna fenomena warna aura yang terjadi kepada responden yang memiliki saka.


HASIL KAJIAN

1. Data Warna Aura Responden Kumpulan Kawalan


Rajah 1 (a) dan (b) menunjukkan warna aura responden yang tidak memiliki saka. Data menunjukkan bahawa tidak ditemui aura warna merah pada bahagian tertentu badan.

2. Data Warna Aura Responden Kumpulan Eksperimen


Rajah 2 (a) dan (b) menunjukkan bahawa responden pertama tidak menunjukkan aura warna merah pada bahagian tertentu badan sebelum mendengar muzik tradisional Melayu ulik mayang dan bacaan ayat al-Quran. Rajah 3 (a) dan (b) menunjukkan majoriti kewujudan warna aura merah di kepala dan bahagian sebelah kiri badan responden kedua. Warna aura merah tersebut wujud secara konsisten atau berulang dalam beberapa siri eksperimen yang dijalankan dengan menggunakan muzik ulik mayang atau bacaan ayat al-Quran. Kesimpulannya, aura merah wujud di bahagian kepala dan bahagian sebelah kiri badan responden kedua.




Rajah 1 (a) Warna aura di kepala dan badan responden kumpulan kawalan sebelum diuji.




Rajah 1 (b) Warna aura di sekitar kepala responden kumpulan kawalan sebelum diuji.




Rajah 2 (a) Warna aura responden pertama kumpulan eksperimental sebelum diuji.




Rajah 2 (b) Warna aura di sekitar kepala responden pertama kumpulan eksperimental sebelum diuji.




Rajah 3 (a) Warna aura responden kedua kumpulan eksperimental sebelum diuji.




Rajah 3 (b) Warna aura responden kedua kumpulan eksperimental sebelum diuji.




Rajah 4 (a) Warna aura merah di bahagian kepala responden pertama kumpulan eksperimental selepas diuji dengan muzik ulik mayang.




Rajah 4 (b) Warna aura merah di sekitar kepala responden pertama kumpulan eksperimental selepas diuji dengan muzik ulik mayang.




Rajah 4 (c) Warna aura merah pada bahagian kepala dan bahagian sebelah kiri badan responden pertama selepas diuji dengan muzik ulik mayang.




Rajah 4 (d) Warna aura merah pada bahagian kepala responden pertama selepas diuji dengan muzik ulik mayang.




Rajah 5 (a) Warna aura merah pada bahagian kepala, toraks, hati dan bahagian sebelah kiri badan responden kedua selepas diuji dengan muzik ulik mayang.



Rajah 5 (b) Warna aura merah pada bahagian kepala, toraks, hati dan bahagian sebelah kiri badan responden kedua selepas diuji dengan muzik instrumen silat.



Rajah 5 (c) Warna aura merah pada bahagian kepala, toraks, hati dan badan sebelah kiri responden kedua selepas diuji dengan ayat Kursi.



Rajah 5 (d) Warna aura merah pada bahagian kepala, toraks, hati dan badan sebelah kiri responden kedua selepas diuji dengan Surah al-Fatihah.

Rajah 4 (a) – (d) dan 5 (a) – (d) menunjukkan bahawa responden kedua menghasilkan warna aura merah pada bahagian sebelah kiri badan dan warna aura ungu pada bahagian kanan badan. Kedua-dua warna ini secara berterusan wujud dan tidak berubah sepanjang eksperimen dijalankan. Warna aura merah juga wujud pada bahagian kepala, toraks dan hati ketika responden diuji. Kesimpulannya, hasil kajian mendapati wujudnya aura merah pada bahagian sebelah kiri badan, kepala, toraks dan hati secara berulang di dalam diri pemilik saka bagi kedua-dua responden seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Majoriti kewujudan warna aura merah sebelum diuji dan selepas diuji.

Responden	Sebelum Ujian	Selepas Ujian
Responden 1	Tiada warna aura merah pada bahagian sebelah kiri badan.	Ada warna merah pada bahagian sebelah kiri badan dan kepala.
Responden 2	Terdapat aura warna merah pada bahagian sebelah kiri badan.	Ada warna merah di bahagian kepala, toraks dan hati.

3. Data Temu Bual

Responden Pertama

Berdasarkan hasil temu bual berstruktur dan terbuka yang dijalankan didapati bahawa responden sudah tidak memiliki bapa, dan hubungan dengan ibunya kurang mesra pada masa ini. Responden memiliki sikap tidak kisah dengan persekitaran, dan tidak suka masuk campur masalah orang lain. Responden memiliki seorang sahabat dan hanya sedikit rakan. Responden juga memiliki sikap agresif yang agak tinggi dalam bentuk fantasi (terdapat dalam fikiran sahaja dan tidak dilakukan secara nyata).

Kali pertama responden menyedari dirinya memiliki saka ketika berada di tingkatan empat selepas mengalami kerasukan. Berdasarkan maklumat daripada seorang ustaz di sekolahnya pada ketika itu, saka yang dimiliki responden merupakan saka harimau. Responden tidak mengetahui secara pasti cara saka tersebut diwarisi, tetapi semasa kanak-kanak responden pernah bermimpi berjumpa dengan seorang nenek tua yang memberinya suatu benda.

Semasa di universiti, responden telah mengalami beberapa kali kejadian kerasukan sehingga hari ini. Saka yang dimiliki responden bersifat melindungi dirinya daripada gangguan makhluk halus (jin) yang hendak menggangukannya. Saka

tersebut tidak berada di dalam diri responden, tetapi akan hadir ketika responden dalam bahaya atau sedang diganggu oleh jin lain. Responden juga sering bercakap dengan dirinya dan mudah marah. Beliau juga sering mengalami gangguan perasaan malas ketika hendak bersembahyang dan perasaan tidak selesa ketika mendengar azan. Responden telah beberapa kali mencuba membuang saka yang dimilikinya dengan bantuan bomoh tetapi usaha tersebut tidak berjaya.

Responden Kedua

Moyang responden merupakan seorang bomoh yang mengamalkan rawatan tradisional menggunakan kaedah main puteri. Responden sering bermimpi mencium bayi yang meninggal di dalam sungai berhampiran dengan rumahnya. Responden memiliki dorongan yang kuat untuk mendekati pohon beringin yang berhampiran dengan rumahnya. Semasa kanak-kanak, responden sering mendengar suara orang bercakap atau suara orang bergaduh dalam bahasa yang tidak difahami ketika berada di sungai atau di bawah pohon beringin yang berhampiran dengan rumahnya. Suara tersebut hilang ketika responden remaja dan kini kembali muncul.

Responden pernah melihat bayangan ular yang banyak di dalam biliknya ketika keadaan gelap, tetapi bayangan tersebut hilang apabila lampu bilik dinyalakan. Responden juga sering melihat bayangan ular ketika berada di dalam tandas di rumah mahupun tandas awam, sering bermimpi perkara seram dan terjaga pada waktu tengah malam, sering mendengar bunyi pelik di dalam tandas biliknya dan di dalam rumah, dan sering tercium bau benda terbakar di dalam rumah. Responden jarang-jarang keluar dari bilik ketika berada di rumah dan duduk di dalam bilik dalam tempoh yang lama.

Responden tidak pernah mengalami kerasukan dan merasa sangat tenang dan selesa apabila berada di dalam masjid, tetapi rasa terganggu ketika mendengar bacaan ayat al-Quran, serta sangat menyenangi muzik instrumen gamelan, mak yung dan muzik tradisional lain. Hubungan responden dengan rakan kurang akrab dan sering bermasalah tanpa sebab yang jelas sehingga menyebabkan pergaduhan. Hubungan responden dengan ahli keluarganya juga kurang mesra atau tidak akrab kerana antara kebiasaan bapanya termasuklah membaca al-Quran semasa di rumah menyebabkan responden berasa tidak selesa dan terganggu. Berdasarkan data temu bual daripada kedua-dua responden kajian dapat disimpulkan bahawa individu yang memiliki saka mempunyai hubungan interpersonal yang kurang baik dan kurang mesra dengan orang lain, serta bersikap agresif.

Kajian mendapati warna aura merah wujud pada bahagian tertentu badan responden yang memiliki saka, iaitu bahagian kepala, toraks dan bahagian sebelah

kiri badan. Warna aura merah ini dapat ditafsirkan sebagai sesuatu yang bersifat panas, bersemangat dan bertenaga. Perkara ini disebutkan dalam al-Quran bahawa jin diciptakan daripada api sehingga bersifat panas membara (ArcZeld, 2012). Penciptaan jin juga terdapat dalam *Surah al-Hijr* 15, ayat 27 yang bermaksud, “Dan Kami telah menciptakan jin sebelum Adam daripada api yang sangat panas”, dan juga dalam *Surah al-Rahman* 55, ayat 15 yang bermaksud, “Dan Dia menciptakan jin daripada nyalaan api.” (Kementerian Agama RI, 2011). Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Malaikat diciptakan daripada *nur* (cahaya). Jin diciptakan daripada *marij* (api). Dan Adam diciptakan daripada apa-apa yang disifatkan kepada kalian, iaitu daripada tanah.

(Hadis 2512, riwayat Muslim dlm. Hariswan, 2010)

Warna aura merah yang memiliki makna membara dan bersemangat ini menyerupai sifat api selaku bahan pencipta jin menurut al-Quran, iaitu panas dan membara. Warna aura merah di dalam diri pemilik saka ini berkait rapat dengan tenaga atau sesuatu kekuatan yang bersifat panas, membangkitkan semangat, mempengaruhi fikiran dan emosinya. Beberapa bentuk gangguan jin kepada manusia adalah dalam bentuk perilaku dan cara berfikir (Abu, 2013). Bentuk gangguan ini dialami oleh responden antaranya termasuklah berfantasi, berperilaku agresif, sikap tidak mengambil berat terhadap persekitaran, bercakap dengan diri sendiri, dirasuk secara berkala, mudah marah, kawalan diri lemah, berkeyakinan bahawa dirinya diikuti oleh makhluk halus (jin) berbentuk harimau dan wujud jin (selain saka yang dimilikinya) menumpang di dalam dirinya.

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa aura warna merah majoritinya wujud pada bahagian sebelah kiri badan dan di kepala. Hal ini bermakna tenaga tertentu yang wujud di dalam diri pemilik saka memberikan kesan kepada fikiran individu tersebut seperti berfikiran negatif, berperilaku agresif dan mudah beremosi seperti marah, benci, dendam, dan sebagainya.

Kewujudan warna aura merah pada bahagian sebelah kiri badan dikaitkan dengan budaya masyarakat Timur yang menganggap bahagian kiri berkait rapat dengan hal yang bersifat negatif, sedangkan bahagian kanan berkait dengan hal yang bersifat positif. Kewujudan warna aura merah pada bahagian sebelah kiri

badan seseorang dihubungkan dengan kewujudan tenaga yang bersifat negatif, iaitu jin. Walaupun demikian, jin yang berada di dalam diri seseorang tidak boleh dianggap saka kerana kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengenal pasti perbezaan antara saka dengan jin.

Berdasarkan makna warna aura menurut Guy Coggins (Lindgren, 2000), warna aura merah pada pemilik saka majoritinya wujud pada bahagian kepala (*center*), bahagian sebelah kiri badan dan pada bahagian toraks dan hati. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat tenaga yang kuat di dalam diri individu yang memberikan dorongan kepadanya untuk bersikap dan bertindak. Berdasarkan pendekatan Islam, tenaga warna aura merah ini dianggap sebagai suatu kekuatan yang bersifat panas yang dikaitkan dengan penciptaan jin yang berasal daripada api seperti yang disebutkan dalam *Surah al-Rahman* 55, ayat 15 dan *Surah al-Hijr* 15, ayat 27.

Jelasnya, individu pemilik saka menunjukkan warna aura merah yang wujud secara tetap dan konsisten di kepala dan bahagian sebelah kiri badan. Warna aura merah ini dikaitkan dengan suatu tenaga yang bersifat panas dan memberikan kesan kepada fikiran, emosi dan perilakunya. Meskipun warna aura merah ini dapat membuktikan kehadiran jin di dalam tubuh seseorang, namun suatu kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk membuktikan jin yang hadir ialah saka atau jin yang lain.

RUJUKAN:

- Abu Irbah Ariffuddin, 2016. "Gambaran Secara Umum Gangguan Jin terhadap Manusia". <http://www.binamasyarakat.com/gambaran-secara-umum-gangguan-jin-terhadap-manusia/>- (Capaian pada 29 Mac 2016).
- Ansaruddin Agus Zuryati Isa, 2014. *Membongkar Misteri Alam Jin*. Petaling Jaya: Hijjaz Records Publishing.
- ArcZeld. "Sejarah Bangsa Jin". <http://www.lampuislam.org/2012/12/sejarah-bangsa-jin.html>. (Capaian pada 29 Mac 2016).
- "Aura Imaging. What is Aura?". <http://www.auraphoto.com/fundamentals/whatis.shtml>. (Capaian pada 29 Mac 2016).
- Endicott, K.M., 1985. *An Analysis of Malay Magic*. Singapore: Oxford University Press.
- Haron Din dan Mokhtar Kassan, 2015. *Kaedah Merawat Saka*. Kuala Lumpur: PTS Publications House.
- Wan Aminah Hasbullah dan Wan Faizah Wan Yusoff, "Penyakit Saka sebagai *Culture-Bound Syndromes* (CBS) dalam Masyarakat Melayu di Kelantan, Malaysia: Kepelbagaian Rawatan Alternatif" dlm. *Sosiohumanika* 5:1, hlm. 136, 2012.
- Hariswan. "Alam Jin menurut Al-Quran dan hadits". <http://hariswanindra.blogspot>.

- my/2010/05/alam-jin. html. (Capaian pada 12 Oktober 2016).
- Hasanah Che Ismail, Siti Raihan Ishak, Adil Hussein dan Salmah Win Mar, "Saka, an Ancestral Possession: Malaysia" dlm. *Asia-Pacific Psychiatry* 2, hlm. 166, 2010.
- Kementerian Agama RI, 2011. *Syaamil Al-Qur'an Miracle The Reference*. Bandung: PT Sygma Examedia Arkanleema.
- Lindgren, C. E. dan Jennifer Baltz, 1997. *Aura Awareness*. California: Progen Co.
- Lindgren, C. E., 2000. *Capturing the Aura. Integrating Science, Technology, and Metaphysics*. California: Blue Dolphin Publishing, hlm. 158, 166.
- Mohd. Taib Osman, 1989. *Malays Folk Beliefs. An Integration of Desparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Razali S. M., "Integating Malay Traditional Healers into Primary Health Care Services in Malaysia: Is It Feasible?" dlm. *Int. Me J.* 16, hlm. 13, 2009.
- Sharhan Shafie, 2015a. *Perubatan Islam Menangkis Kejahatan Makhluk Halus*. Kelantan: Al-Rugyah Thobibi.
- Sharhan Shafie, 2015b. *Allah Penyembuhku Wahyu Ubatku*. Kelantan: Al-Rugyah Thobibi.

Diperoleh (*Received*): 30 Mac 2016

Diterima (*Accepted*): 2 November 2016